



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 17 RABU 23 APRIL, 1969

1389 رابو 5 صفر

PERCHUMA

D.Y.M.M. RASMIKAN KURSUS PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah merasmikan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama kali yang ka-tujuh yang berlangsung di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Keberangkatan tiba Baginda ka-sekolah itu telah di-sambut oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin dan pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Uagama.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bertitah sa-belum merasmikan Kursus Pegawai2 dan Guru2 Uagama pada hari Sabtu lepas.

Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama itu juga telah menyampaikan ucapan alu2an di-majlis itu. Di-majlis itu juga Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan siji2 kepada 86 orang guru2 uagama yang telah lulus kursus perguruan uagama tahun lalu.

Sa-ramai 550 orang guru dan pegawai uagama dari seluruh negeri telah menghadiri kursus tersebut.

Di-antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ahli2 Majlis Mashuarat dan pegawai2 kanan kerajaan.

Pencharagam Pulis Di-Raja dan permainan gambus dari Jabatan Hal Ehwal Uagama juga turut menyumbangkan permainan-nya di-majlis itu.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Pehin Datu Seri Maharaja, Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Titah Baginda di-majlis itu ada-lah saperti berikut:

As-salamu alaikum warahmatullah he wabar katuh. Alhamdulillah, Beta bershukor ka-hadharat Allah Subahanu wata'ala atas limpah kurnia dan taufik serta hidayah-Nya kepada kita sekalian dan Beta mengucapkan salawat serta salam kepada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan sabahat2 serta pengikut2 Baginda yang setia.

Beta merasa shukor kerana hadir dalam majlis ini kerana da-
(LIHAT MUKA 8)

SETIA USAHA W.A.Y. MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Pertubuhan Belia Sa-Dunia bagi Asia, Awang K.V. Reddy akan melawat Brunei sa-lama tiga hari mulai hari ini, 23 April.

Semasa berada tiga hari di-Brunei Awang Reddy akan menjadi tetamu kepada Majlis Belia2 Negeri Brunei dan segala rancangan lawatan ka-Persatuan2 Belia di-atorkan oleh Majlis Belia2 itu.

Sa-orang Juruchakap Majlis Belia2 berkata, tujuan lawatan Awang Reddy ka-negeri ini ia-lah untuk bertemu ramah dan berbincang dengan ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei mengenai kertas2 kerja yang akan di-bentangkan di-perhimpunan Agong Belia Sa-Dunia yang ka-tujuh di-Liege, Belgium dalam bulan Ogos hadapan.

Awang Reddy juga akan melawat tempat2 yang bersejarah di-negeri ini termasuklah Kampong Ayer, Padang Minyak di-Seria dan bangunan Pusat Belia yang baru di-Bandar Brunei.

Majlis Belia2 Negeri Brunei juga berharap akan dapat menghantar satu rombongan untuk mewakili Brunei ka-persidangan tersebut.

Brunei berkehendakkan raayat yang jujur untuk mengisikan hasrat bangsa

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menekankan bahawa Brunei adalah berkehendakkan lebeh ramai lagi raayat-nya yang berpengalaman dan berpelajaran tinggi.

Di-samping itu beliau menegaskan bahawa Brunei juga berkehendakkan raayat-nya yang berpendidikan budi pekerti yang jujur dan tabah untuk menjunjung kedaulatan negara dan bagi mengisikan hasrat bangsa untuk hidup bersama maju dengan perkembangan dunia yang serba moden.

Beliau berucap demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Kursus Guru2 Melayu Bahagian Sekolah2

Rendah yang berlangsung di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Untuk menunaikan hasrat yang mulia itu, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara menyatakan bahawa Brunei mengkehendaki raayat yang beriman yang benar2 chintakan bangsa dan tanah ayernya dan yang tidak menchurahkan taat setia-nya kepada yang bukan Brunei Darussalam.

"Raayat yang merupakan bangsa yang demikian-lah yang mesti hidup di-bumi ini," tegas beliau.

Yang Amat Mulia itu menyatakan, untuk melahirkan dan mengubah hasrat bangsa yang kita harapkan ini adalah terletak di-bahu para pendidik yang budiman.

(Lihat Muka 8)

Suara Brunei di-Sidang Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh

SINGAPURA. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohammad Taib bin Awang Besar, telah menjelaskan sa-chara rengkas, mengenai kemajuan2 penting yang di-chapai dalam jurusan ekonomi di-Brunei baik oleh pehak kerajaan mahu pun persendirian.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohammad Taib telah berucap di-hari kedua Persidangan Lenggak Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh yang ka-25 yang sedang berlangsung di-Singapura.

Kata-nya, di-antara projek2 kerajaan yang besar yang sedang berjalan lancar ia-lah ranchangan Bekalan Elektrik; Pelabohan Perayeran Dalam di-Muara; Lapangan Terbang Antara Bangsa yang mempunyai landasan jarak 12,000 kaki dan ranchangan pembeinaan Jalan Raya yang panjang-nya kira2 140 batu bagi menghubungkan antara bandar2 dan kampung2.

BANGUNAN2

Dato Paduka Awang Mohammad Taib juga telah menerangkan tentang pembeinaan Ranchangan Saloran Najis yang moden dan Bekalan Ayer; Pembeinaan Bangunan2 baru Sekolah2 Rendah, Menengah dan Sekolah pertukangan dan Ranchangan Lima Tahun telikom bagi memoden dan meluaskan kemudahan2 perhubungan telikom di-dalam dan luar negeri.

Beliau berkata, kemajuan2 juga di-chapai dalam perkembangan ekonomi di-kalangan perusahaan persendirian.

Ini ada-lah berhubung dengan usaha untuk meluaskan lagi pencharian minyak dan gas, ranchangan kemajuan dan usaha menyegerakan pelaksanaan projek2 besar Kerja Raya dalam ranchangan kemajuan beinaan kerajaan.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohammad Taib berkata, perhatian sedang di-tumpukan kepada ranchangan kemajuan negara, untuk memperbaiki lagi taraf penghidupan rakyat, yang membuat perusahaan pertanian perikanan dan kehutanan, dan untuk menggiatkan usaha menambahkan hasil mereka terutama-nya bagi memenuhi keperluan dalam negeri.

Kata-nya, kedudukan keseimbangan perdagangan Brunei dalam tahun 1968 ada-lah terus memuaskan.

Nilai export utama negeri

ini ia-itu minyak-mentah telah bertambah dalam tahun 1968 dari tahun 1967, tetapi peratus jumlah export maseh tetap tidak berubah ia-itu 97 peratus.

Perwakilan Brunei, ka-sidang Surohanjaya Ekonomi, bagi Asia dan Timor Jauh itu juga telah membentangkan satu kertas, mengenai perangkaan, di-daerah ECAFE.

PERANGKAAAN

Kertas itu telah di-bachakan oleh, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz Umar, salah sa-orang dari lima orang rombongan perwakilan negeri ini, ka-sidang itu.

Brunei menyedari, betapa penting-nya perangkaan2 lengkap, tepat dan boleh di-perchayai, yang ada, bagi merumuskan dasar2 dan perancangan kemajuan ekonomi, yang lebeh baik.

Bagaimana pun, kegiatan2 dalam lapangan perangkaan, telah terhad, oleh kekurangan kaki tangan yang berpengalaman dan chukop terlately.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz berkata, Brunei ada-lah menyambut baik perkhidmatan yang di-berikan, oleh badan sekretariat ECAFE, kerana berbagai laporan, chadangan dan pertolongan2 serta nasihat oleh pakar2 dan penasihat2 daerah-nya.

Kata-nya, pehak kerajaan, telah merancang akan menjalankan satu penapisan penduduk dalam tahun 1970, dan berhubung dengan itu ia-nya memperoleh perkhidmatan penasihat daerah, mengenai perangkaan penduduk dan sosial, untuk menasihatkan mengenai persiapan2 ranchangan penapisan.

JUMLAH PENDUDOK

Terdahulu sa-belum itu, Brunei telah memperoleh perkhidmatan penasihat daerah mengenai perangkaan penduduk dan sosial.

Satu penyelidikan chuntoh sosial dan demographi telah di-adakan dalam bulan Januari tahun lalu dalam usaha untuk memperoleh asas data yang ada mengenai kedudukan jumlah penduduk2 di-Brunei.

Bagi memudahkan kerja memperoses chatetan yang ujud dari penapisan itu, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz telah meminta sidang supaya mempertimbangkan pembentukan sa-buah pusat memperoses chatetan ECAFE, untuk menjalankan kerja2 di-ne-



Gambar menunjukkan perwakilan Brunei di-sidang ECAFE di-Singapura. Duduk di-barisan depan nombor dua dari kanan ia-lah Awang Jaya bin Abdul Latif, Dato Dr. J.S. Gould, Y.B. Awang Haji Abdul Aziz, Y.B. Dato Paduka Awang Mohd. Taib. (Ketua rombongan), Awang Abdul Hamid bin Ja'afar dan Awang Kassim bin Daud.

gara2 yang kecil yang tidak mempunyai alat2 komputer bagi kerja2 memperoses chatetan yang lebeh besar.

Menyentuh tentang perangkaan perusahaan, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz berkata, permulaan sudah pun di-buat untuk memajukan satu ranchangan mengutip chatetan perangkaan yang di-perlukan.

Beliau menyatakan bahawa usaha2 telah di-buat untuk melaksanakan shor penasihat daerah mengenai perangkaan ekonomi dalam persiapan awal kepada ranchangan itu.

PEMBANGUNAN

Di-samping itu, Awang Haji Abdul Aziz mengingatkan semula bahawa Brunei telah mengambil bahagian dalam kegiatan2 di-bawah "lawatan sambil belajar dan kursus latihan mengenai peranan masyarakat dalam Pembangunan Negara."

Kegiatan2 itu telah di-shorakan dalam ranchangan kerja Bahagian Pembangunan Sosial ECAFE.

Menyentuh tentang ranchangan masa depan bahagian itu Awang Haji Abdul Aziz berkata Brunei ingin hendak mengambil bahagian dalam seminar perantaraan mengenai pelaksanaan kemajuan tanah yang akan di-adakan di-Manila dalam bulan Julai tahun ini.

Beliau menchadangkan supaya lebeh banyak lagi kursus2 sa-chara praktikal di-adakan di-masa depan termasuk satu kursus bagi pegawai2 perengkat menengah.

Awang Haji Abdul Aziz memberitahu persidangan itu bahawa kerajaan terus meneruskan memberikan pelajaran perchuma di-semua perengkat yang termasuk buku2 teks perchuma, kenderaan, dan kemudahan2 asrama.

Bayaran2 sekolah tidak dikenakan dan ranchangan makan perchuma terus meneruskan di-jalankan di-sekolah2 di-kawasan luar bandar.

Perkhidmatan2 perubatan telah di-perbesarkan dan lebeh banyak lagi klinik di-bena dan lebeh banyak lagi doktor dan bidan2 terlately di-ambil bekerja.

Ranchangan saloran najis bagi Bandar Brunei di-jangka akan siap dalam tahun 1972 dan berikutan siap-nya sistem bekalan elektrik ka-seluruh negeri penduduk2 di-kawasan2 luar bandar sekarang menikmati kesenangan menggunakan lampu2 moden.

Awang Haji Abdul Aziz berkata, ranchangan untuk mengadakan bekalan ayer terutama sekali ka-kawasan2 luar bandar akan terlaksana dalam masa beberapa tahun lagi.

KEGIATAN BELIA

Mengenai pergerakan beliau berkata, kerajaan sedar betapa penting-nya beliau menyertai dalam projek2 pembangunan negara dan kerajaan telah pun mengadakan pusat belia kebangsaan di-samping membena sa-buah kolam renang ukuran olympik sa-bagai sa-bahagian dari rangkaian stadium kebangsaan.

Bagi pehak persatuan2 belia pula, kata beliau masa ini mereka lebeh mengutamakan kegiatan2 ekonomi seperti berkebun, mengadakan kedai2 kecil untuk memenuhi keperluan pokok penduduk2 kampung, mengadakan kenderaan2 sekolah dan lain2.

Awang Haji Abdul Aziz berkata, kerajaan memberi segala galakan kepada pergerakan belia seperti memberi mereka baja bagi kebun mereka, nasihat teknikal dan lain2 pertolongan.

MENURUT ilmu pendidekan bahawa kejayaan sa-suatu pelajaran tidak sa-mata2 tergantung kapada ranchangan pelajaran dan buku2 pelajaran, tetapi juga kapada guru yang menyampaikan bahan pelajaran itu, jikalau guru itu chekap menjalankan kewajipan-nya maka dapat-lah di-harapkan bahawa pendidekan dan pelajaran akan dapat menghasilkan buah yang baik dan bernilai.

Ternyata dengan hal guru ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah bertitah pada 11 haribulan April 1969 ketika Baginda merasmikan Mashuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Titah Baginda itu berbunyi demikian:

"Pimpin-lah dan didek-lah anak2 penuntut2 ka-araf pada melailakan mutu mata pelajaran, ilmu pengetahuan bagi membolehkan mereka sa-bagai penuntut laila terpelajar, laila berilmu pengetahuan yang bersifat, atau mempunyai fikiran yang waras, jujur akhlis pada melaksanakan daya usaha laila menumpukan chintakan keselamatan, keamanan dan ketenteraman laila subur, juga mudah2an dengan izin Tohan, negeri kita Brunei yang dikasehi ini akan bahagia, makmor pada membuahakan rahmat Tohan yang akan dapat di-nikmati oleh isi yang baik dalam-nya."

AMANAT

Dalam titah yang sangat ber-ailai itu, Duli Yang Maha Mulia memberikan amanat dan nasihat kapada kaum guru, supaya guru2 di-seluruh tanah ayer mendidek anak2 negeri ini, memimpin anak2 negeri ini menjadi orang2 yang terpelajar, orang2 yang berilmu pengetahuan, orang2 yang waras fikiran-nya, orang2 yang jujur dan ikhlas kerana dengan ada-nya warga negara dan penduduk yang sa-demikian negara kita akan berbahagia, negara akan makmor dan negara kita akan sentiasa aman dan tenteram.

Perkara yang di-nyatakan tadi sa-benar-nya ada-lah satu tugas yang maha besar dan sangat sukar untuk di-laksanakan dengan jaya-nya, sunggoh pun demikian perkara tersebut akan dapat di-jayakan dengan sempurna-nya dengan sharat utama bahawa sa-belum sa-seorang itu memegang jawatan guru, maka dia hendak-lah menyiapkan diri-nya supaya sanggop melakukan kewajipan tersebut. Walau bagaimana pun demikian, menurut ilmu pendidekan bahawa tidak-lah semua guru dapat mempela-jari segala yang di-perlukan supaya ia dapat mempela-jari tugas-nya dengan baik, bahkan kecekapan akan dapat di-perolehi berdasarkan pengalamatan, penchubatan dan pembacaan, jadi-nya guru2 hendak-lah berusaha pada sa-tiap masa untuk menambah ilmu pengetahuan mereka, mengikut perkembangan2 dan pen-

dapat2 baru dari satu masa kasatu masa mengenai dengan pendidekan dan pelajaran. Dengan demikian perkembangan dan kemajuan kita di-bidang pendidekan dan ilmu pengetahuan akan sa-lari dan sesuai dengan keadaan zaman.

Bilangan murid2 sekolah pada tahun 1967 di-negeri ini ia-lah 34,257 orang ia-itu terbahagi kapada 18,437 orang lelaki dan 15,820 orang perempuan mengikut kapada bilangan tersebut, yang mana pada tahun 1966 bilangan murid ber-

jumlah 31,193 yang berarti bertambah dalam tempoh naitahun sa-banyak 3,064 orang. Maka akan terbayang-lah diotak kita angka yang lebeh banyak lagi pada tahun2 yang akan datang, sesuai dengan bertambah-nya kelahiran anak, dan kedatangan orang luar dengan anak2 mereka di-samping itu satu masalaah yang maha terpenting di-hadapan kita, ia-itu mata pencharian bagi murid2 itu apabila mereka telah dewasa dan memasokkan medan pekerjaan, sunggoh-nya perkara mata pencharian ini boleh memeningkan kepala khas-nya pehak2 yang berkenaan.

PENDIDEKAN

Mengenai masalaah ini sa-benar-nya banyak dan sangat besar hubungan dengan pendidekan dan pelajaran, kerana ada-lah menjadi salah satu tujuan yang besar bagi suatu masyarakat untuk memberikan anak2 mereka suatu pendidekan yang mungkin boleh menyediakan hidup-nya di-masa depan, persediaan bagi mendapatkan mata pelajaran ketika anak2 dewasa dalam hal ini sangat mustahak di-adakan bidang pelajaran yang lengkap dan mempunyai beberapa jurusan yang sesuai dengan kehendak dan keperluan anak2, seperti jurusan akademik, ju-

rusan teknik jurusan perdagangan, jurusan pertanian, jurusan seni bina, urusan rumah tangga dan lain2 lapangan lagi yang sesuai dengan kehendak2 dan keperluan negara.

Dengan ada-nya jurusan dalam bidang pelajaran maka apabila anak2 suatu masyarakat telah tamat pengajian-nya dalam sa-suatu jurusan, ada-lah di-harapkan anak2 itu akan menggunakan kepentingan mereka untuk menjadi asas bagi mata pencharian mereka ia-itu mata pencharian sendiri seperti

bertani, berniaga, menjadi nelayan, menyemen, mengotor bata dan lain2 lapangan lagi.

Dan ada-lah menjadi tujuan pendidekan yang sa-benar-nya untuk menggalakan supaya kanak2 apabila dewasa mereka boleh bekerja dan berusaha dengan sendiri. Pendidekan bukan-lah sa-mata2 bertujuan untuk mendapatkan kerja di-pejabat2 kerajaan sa-benar-nya perasaan yang ingin bekerja dengan kerajaan haruslah di-usahakan dengan cher-

mat-nya supaya di-perkechilkan, kerana ada-lah menjadi kenyataan bahawa jawatan2 yang ada dalam jabatan2 kerajaan tidak-lah menchukopi banyak-nya dengan bilangan orang yang memohonkan.

Kita di-Brunei ini sangat-lah beruntung mendapat sa-orang Sultan yang mempunyai penoh kesedaran dalam bidang pelajaran, perkara ini dapat kita ikuti daripada titah Baginda dalam pembukaan rasmi mashuarat agong guru2 yang di-nyatakan tadi, titah itu berbunyi: "Biar-lah kita tegas-kan sekali lagi bahawa kerajaan kita akan terus menerus memberikan galakan dan kemudahan bagi guru2 tempatan di-negeri ini pada mengelokkan taraf laila berjenis sudut mata pelajaran menurut saloran yang sehat mensaibangkan laila aliran zaman."

Di-tinjau dari sudut ugama, ada-lah tidak shak lagi bahawa pekerjaan belajar dan mengajar ilmu pengetahuan yang berfaedah itu ada-lah di-suroh oleh ugama dan kedudukan orang yang berpelajaran yang berfaedah itu lebeh tinggi daripada orang yang tidak berpelajaran, maka kita kaum muslimin sekalian hendak-lah menyedari akan penting-nya perkara ini, dan ia ada-lah merupakan ajaran Ugama kita yang suchi.

KEJAYAAN PELAJARAN TIDAK HANYA BERGANTONG KAPADA BUKU2

KHUTBAH JUMA'AT

**Guru yang chekap
menjalankan kewajipan-nya
akan dapat membuahakan hasil
yang baik dan bernilai**

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23 April, 1969 hingga ka-hari Selasa 29 April, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
23 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
24 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
25 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
26 April		12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
27 April		12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
28 April		12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09
29 April		12-24	3-39	6-31	7-43	4-41	4-55	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

23 April, 1969.

KURSUS GURU2

KURSUS bagi guru2 Melayu bahagian sekolah2 rendah sa-Negeri Brunei pada masa ini sedang berjalan di-Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei dan kursus yang berjalan sa-lama sa-minggu itu akan berakhir pada hari Khamis ini.

Kursus sa-umpama itu adalah merupakan satu langkah yang bijak dan merupakan satu lagi daya usaha Jabatan Pelajaran sa-bagai penganjur kursus untuk benar2 mengusahakan bagi memajukan kemajuan pelajaran di-negeri ini yang semakin pesat membangun dalam berbagai2 bidang.

Perjumpaan yang murni sifat-nya itu kalau di-pergunakan dengan sebaik2-nya neschaya memperoleh keuntongan yang tinggi nilai-nya bagi kemajuan dunia pelajaran di-negeri ini dan pehak guru2 yang mengambil bahagian dalam kursus itu kita perchaya tidak akan mengabaikan peluang keemasan itu, malah mereka menggunakan-nya sa-bagai satu gelanggang bagi mengeluarkan idea2 yang bernas untuk sama2 membaiki dan meninggikan mutu pelajaran Melayu di-sekolah2 rendah sa-bagai tapak permulaan anak2 kita mengenal pelajaran dan mengasah bagi menjadi raayat yang baik dan berguna.

Sekolah2 rendah merupakan satu tapak permulaan anak2 negeri ini untuk bertolak yang bukan hanya bagi mencapai pelajaran2 yang lebih tinggi, tetapi juga menerima asahan2 budi pekerti yang jujur, tabah, beriman serta yakin untuk benar2 menchini bangsa dan tanah ayer-nya.

Negara kita, Brunei Darussalam dewasa ini sedang berada dalam arus perkembangan dan kemajuan-nya dalam berbagai2 bidang dan untuk mengisikannya pula ada-lah memerlukan lebih ramai lagi raayat yang benar2 berpengalaman dan berpelajaran tinggi serta mempunyai kejujuran demi untuk menimbulkkan keharmonian negara mereka dan kekal dalam suasana makmor dan tenteram.

Ada-lah amat nyata sekarang bahawa kita sedang benar2 berkecimpung dalam pergolakan arus perkembangan dan kemajuan yang sifat-nya memerlukan idea2 yang amat kental pada menuju terus ka-mata-lamat yang hendak di-tuju.

Jabatan Hal-Ehwal Ugama juga telah menganjorkan Kursus bagi Pegawai2 dan Guru2 yang tujuan-nya ia-lah bagi memajukan usaha mengembangkan shi'ar Islam di-samping mencari jalan yang lebih berkesan dalam perkembangan pelajaran ugama yang semakin tinggi nilai kemajuan-nya.

Walau pun sering di-katakan bahawa perkembangan Ugama Islam di-negeri ini ternyata amat pesat pelaksanaan-nya, namun maseh di-rasakan perlu untuk mencari jalan yang lebih berkesan agar chahaya semakin terang sinar-nya. Kerana itu, Jabatan Ugama tidak mengenal penyudah-nya bahkan akan terus berusaha membekalkan raayat Islam di-negeri ini dengan ilmu pengetahuan dan kesedaran ke-Islaman yang sejati.



Di-rumah Panjang Mukim Melilas, Yang Teramat Mulia telah bertemu dengan penduduk2 kampung dalam suasana yang harmoni seperti yang kelihatan dalam gambar ini.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong diperkenalkan kepada Suku Punan di-mukim Sukang ketika rombongan Yang Teramat Mulia melawat ka-mukim tersebut yang letak-nya di-hilir Mukim Melilas. Di-sebelah kanan ia-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin yang mengiringi lawatan Yang Teramat Mulia ka-Ulu Belait.




Ketibaan Yang Teramat Mulia di-Mukim Melilas telah di-alu2kan oleh Penghulu Mukim tersebut, Orang Kaya Setia Laila Kana Anak Mudin yang kelihatan mengiringi Yang Teramat Mulia itu. Di-belakang Orang Kaya Setia Laila Kana ia-lah Y.A.M. Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad dan di-belakang Yang Teramat Mulia ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin.

Lawatan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong ka-Mukim Melilas telah di-sambut menurut adat kebesaran orang2 Iban menyambut tetamu Diraja dengan mengadakan "Gawai Selamat Datang." Y.T.M. telah sama mengikuti adat "gawai" itu yang di-ke-tuai oleh Ketua Kampong Bege-rang, Ketua Linggang Anak Ngadan (di-sebelah kanan), sementara di-sebelah kiri ia-lah Y.A.M. Pg. Shahbandar yang sedang memerhatikan upacara itu. Upacara itu di-adakan di-Balai Raya Mukim Melilas.

Ini-lah Ketua Suku Punan, LEGAI ANAK MADANG, berumur 75 tahun. Ketua Suku Punan ini menyatakan kegembiraan-nya kerana mendapat layanan yang memuaskan dari kerajaan baik di-segi perubatan dan kesihatan mahupun bantuan2 yang lain. Ketua Suku Punan ini sendiri dan beberapa orang anak buah-nya telah menerima penchen tua dari kerajaan.

Endon binte Akam salah sa-orang murid dari Kampong Melilas yang sedang menuntut di-Maktab Anthony Abell, Seria.



Kelihatan satu keluarga Iban dari Kampong Begerang di-Ulu Melilas hilir ka-Melilas kerana sama2 mengalu2kan lawatan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong.

Dalam sambutan kerana kunjungan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong, berbagai permainan telah di-pertunjukkan antara-nya persembahan tarian Ngajat (gambar kanan) oleh Ra'yah binte Orang Kaya Setia Laila Kana, anak gadis penghulu Mukim Melilas.

DI-SEKITAR LAWATAN D.P.T. KA-ULU BELAIT

PADA hari Rabu minggu lepas, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar telah mengadakan lawatan sa-lama dua hari ka-kampong2 pendalaman di-Daerah Belait untuk meninjau sendiri keadaan di-kampong2 tersebut.

Dalam lawatan itu, Yang Teramat Mulia telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Piut, Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan beberapa orang pegawai Askar Melayu dan Pulis Diraja Brunei.

Yang Teramat Mulia dan rombongan telah tiba dengan sa-buah pesawat helikopter Askar Melayu Diraja Brunei di-Kampong Melilas yang letak-nya kira2 120 batu dalam perjalanan melalui sungai dari Kuala Belait.

Ketibaan Yang Teramat Mulia dan rombongan di-Melilas telah di-alu2kan oleh Penghulu Mukim



Melilas, Orang Kaya Setia Laila Kana Anak Mudin, penduduk2 kampung dan kanak2 sekolah yang semuanya terdiri dari puak Iban.

Yang Teramat Mulia dan rombongan telah di-junjong ka-Balai Raya untuk menghadiri upacara "gawai selamat datang" sa-bagai adat puak Iban ketika mengalu2kan kunjungan pelawat2 Diraja kerana memberi penghormatan yang tinggi atas lawatan itu.

Kemudian Yang Teramat Mulia dan rombongan telah berangkat untuk berehat di-Rumah Peringgahan Kerajaan di-Melilas di-mana Yang Teramat Mulia dan rombongan menginap di-sana sa-lama satu malam.

Sa-belah petang, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan telah berangkat dengan berjalan kaki ka-Kampong Begerang yang letak-nya lebih dari satu batu ka-ulu Mukim Melilas. Rombongan itu telah di-pandu oleh Ketua Rumah Panjang Kg. Begerang, Ketua Linggang Anak Ngadan.

Di-sabelah malam-nya pula, Yang Teramat Mulia dan rombongan telah di-junjong untuk berangkat ka-Rumah Panjang di-Melilas kerana menghadiri perayaan2 rangkaian dengan pertunjukan2 tari2an Ngajat, Kuntau dan Silat. Dalam majlis itu, puak Iban di-Mukim Melilas telah menyumbangkan chenderamata yang berupa "utap dan ilang" ia-itu sa-jenis senjata yang di-pusakai turun-menurun oleh puak Iban.


Dalam majlis itu juga, Yang Teramat Mulia telah bertemu ramah dengan penduduk2 di-Mukim itu sambil mendengar penerangan2 penduduk2 kampung berhubung dengan perkembangan2 projek2 Kerajaan di-kampong pendalaman tersebut.

Pada ka-esokan hari-nya, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan telah menaiki moto-sangkut untuk berangkat ka-Mukim Sukang di-hilir Mukim Melilas dan rombongan itu telah di-alu2kan oleh penduduk2 di-situ dengan meriah-nya. Puak Punan di-Mukim Sukang telah menyumbangkan chenderamata yang berupa sa-batang Sumpitan.

Sa-telah santap tengah hari di-Mukim itu, rombongan tersebut telah berangkat hilir ka-Kuala Belait dan sa-terus-nya pulang ka-Bandar Brunei.



Gadis2 suku Punan di-Mukim Sukang turut juga mengalu2kan lawatan Diraja itu. Penduduk2 suku Punan yang tinggal di-hutan Mukim Sukang adalah sa-ramai 29 orang yang mengandungi 23 lelaki dan perempuan dewasa dan 6 orang kanak2.



Di-Mukim Sukang, Duli Yang Teramat Mulia telah di-alu2kan dengan permainan2 asli. Kelihatan sa-orang suku Punan sedang menunjukkan tarian Ngajat.

MANUSIA MEMERLUKAN KESIHATAN FIKIRAN DAN TUBOH DALAM KEHIDUPAN SA-HARI2

ADAPUN tajuk perbincangan kita dalam ruangan pelajar ini ialah sa-buah Sabda Nabi Muhammad sallallahu — 'alaihi wa salam yang berbunyi, "Al' Aklus Sa'lim, Fie Jismis Sa'lim"; sa-bagaimana juga terdapat dalam sa-buah chogan-kata bahasa Latin yang berbunyi, "Mens sana in corpore sano", dengan arti "fikiran yang sihat dalam tuboh yang sihat". Dalam kata lain, sabda Nabi Muhammad ataupun chogan-kata Latin tersebut menyuarakan bahawa sa-seorang manusia itu memerlukan kesihatan fikiran dan tuboh dalam kehidupan-nya sa-hari2.

Pada zahir-nya, untuk hidup, kita memerlukan tiga perkara: udara, makanan, dan minuman; dan, untuk hidup yang sempurna, kita memerlukan tiga perkara juga: kesihatan fikiran, tuboh, dan jiwa. Maka, andaikata saya di-beri peluang melanjutkan chogan-kata tadi, maka saya akan berkata bahawa tiap2 manusia termasuklah saudara-saudari para pelajar2, pendengar2 ruangan pelajar dan saya menghendaki fikiran, tuboh dan jiwa yang sihat dalam kehidupan kita sa-hari2. Barangkali dengan memberi-mithalan2 berikut, dapatlah kira-nya saudara-saudari mengikuti serta memahami lebeh-jauh apa sebab-nya saya berkata demikian:—

Sa-bagai sa-orang pelajar sudah sa-harus-nya-lah kita menilai diri-kita dalam arti keseluruhan peribadi kita; dalam kehidupan kita sa-hari2 yang harus kita peringkatkan bukan hanya kesempurnaan atau kesihatan fikiran saja, tetapi juga tuboh dan jiwa. Maka itu kita sentiasa memperhitungkan kasaimbangan pertubohan ketiga2-nya bahagian itu.

Sa-orang pelajar yang hanya mementingkan "fikiran" atau kepandaian saja dan melupakan kesihatan tuboh dan jiwa-nya, sudah tentu nanti-nya tidak membawa menfaat yang baik bagi masyarakat. Ia mungkin menjadi sa-orang penuntut terpan-dai dalam darjah-nya, atau menjadi sa-orang sarjana yang sangat handal kelak, tapi jiwa-nya rosak atau jahat, tentu akan menche-lakakan kepentingan orang ramai;

Yang lain, yang hanya mengurus kesempurnaan kesihatan tuboh, umpamanya: giat dalam lapangan segala macham sukan, makanan yang chukup dengan zat2 atau vitamin2

yang di-perlukan, 'angkat besi' untuk kechantikan badan, dan sa-bagai-nya, tetapi fikiran-nya tak pernah di-perkembangkan dan di-pergunakan, sudah tentu juga tidak begitu banyak arti-nya. Ia hanya sa-orang yang kuat tuboh saja, tetapi tak berfikiran sihat; orang sa-macam ini dapat dengan mudah di-perbodohkan oleh orang lain dan hanya di-pakai sa-bagai alat saja yang mungkin merugikan masyarakat juga.

Kemudian yang lain pula, yang hanya memerlukan soal rohaniah saja, tanpa mengembangkan fikiran-nya dalam lapangan penghidupan lain-nya serta melupakan kesihatan tu-

Awang Raymond Chua Kim Hong, Pen-sarah Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di-Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei telah memberikan cheramah yang berikut dalam ruangan pelajar Radio Brunei yang di-siarkan dalam minggu lalu. Intisari dalam cheramah beliau ini mengandongi unsur2 pandangan yang berguna terutama terhadap pelajar2 tanah ayer dan juga ibu-bapa2 dalam membantu melaksanakan chita2 bagi kemajuan dalam hidup.

boh-nya, juga tak banyak arti-nya bagi masyarakat. Ia dapat menjadi sa-orang yang berjaya berseh, berjalan rapat dengan Allah subhanahu wa ta'ala, tapi tuboh-nya lemah, berpenyakit dan tak berpengetahuan tentang keadaan perkembangan masyarakat sa-kitar-nya, maka ia juga dapat membawa arti yang kurang bermanfaat bagi sa-sama-nya manusia dalam sa-suatu masyarakat.

Dari chontoh2 tadi, jelaslah kira-nya kita lihat betapa besar-nya peranan ajaran2 agama Islam, ajaran2 ilmu pengeta-

huan di-sekolah2 sa-umpamanya di-Maktab SOAS, SMMP, STPRI dan lain2-nya, dan juga kelab2 sokan dalam kehidupan kita sa-bagai pelajar2, dalam memberi dan memupuk kesihatan fikiran tuboh, dan jiwa kita masing2, sa-bagai bunga2-an yang sentiasa di-siram dengan ayer dan di-baja supaya tumbuh-nya lebeh segar. Sa-bagaimana juga sering kita dengor orang2 besar berkata: ".....masa depan sa-sebuah bangsa itu tidak lain dan tidak bukan terletak di-atas pundak muda-mudi ataupun para pelajar-nya yang sihat fikiran, tuboh, dan terlebeh2 lagi jiwa-nya."

Kegiatan2 IKLAS di-puji

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah mengingatkan pemimpin2 Persatuan Belia di-negeri ini supaya tabah dan jujur dalam menghadapi sa-ba-rang chabaran dalam persatuan.

Awang Salleh berkata demikian ketika merasmikan pembukaan mashuarat agong Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sekuna (IKLAS) yang ka-tiga di-Sekolah Melayu Lela Menchanai pada minggu lalu.

Beliau berkata, pemimpin2 dalam tiap2 persatuan hendaklah bersikap bijak dan adil dalam membuat sa-ba-

rang pertimbangan dan janganlah lekas mengambil tindakan yang tidak baik jika ada terdapat perselisihan faham antara sesama ahli.

Pesuruhjaya Kebajikan itu juga memuji2 atas kegiatan2 Persatuan tersebut kerana menjalankan usaha2 mereka dalam bidang pelajaran seperti membuka kelas pelajaran memberantas buta huruf dan pelajaran dewasa bahasa Inggeris.

Terdahulu dari itu, Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Mohammad bin Haji Seruddin dalam ucapan-nya telah menerangkan serba ringkas kegiatan2 yang telah dilakukan oleh persatuan itu.

Beliau berkata, persatuan-nya baru saja membuka sa-buah kedai sharikat di-kampong itu.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Naib Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Jaya bin Abdul Latif.

Pembinaan tiga buah jambatan

KUALA BELAIT. — Kerajaan telah menerima satu tawaran bagi pembinaan tiga buah jambatan batu di-sepanjang jalan antara Andulau dan Bukit Puan di-Ulu Belait.

Pembinaan tiga buah jambatan itu di-anggarkan menelan belanja kira2 \$165,400.

Pembinaan jambatan2 itu ada-lah sa-bahagian dari projek jalan raya Liang/Labi dan ia-nya di-jadualkan siap dalam masa 12 bulan.

Baru2 ini sa-buah jambatan batu panjang 100 kaki telah siap di-bena.

Seluruh projek yang menelan belanja \$13 juta itu di-jadualkan siap dalam tahun 1971 atau 1972.

Sa-takat ini kira2 95 peratus kerja2 dari Sungai Liang ka-Bukit Puan telah selesai dan dari Bukit Puan, kira2 30 peratus kerja2 meratakan tanah telah di-jalankan.

Jalan2 kechil di-perbaiki

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Daerah Brunei Muara menambahkan usaha untuk memperbaiki lagi jalan2 kechil di-Daerah Brunei/Muara.

Sa-orang juruchakap bagi Pejabat Daerah Brunei Muara berkata, beberapa buah lori telah pun tiba di-Brunei yang akan di-gunakan untuk meng-angkat batu kelikir dari Muara.

Juruchakap itu berkata, batu2 kelikir itu akan di-gunakan untuk memelihara jalan kechil itu yang telah di-bena di-bawah projek pembangunan luar bandar daerah itu.

Beliau berkata, kerja membuboh permukaan jalan2 kechil itu akan di-jalankan dalam beberapa peringkat dan keutamaan akan di-berikan kapada jalan2 kechil yang memerlukan tindakan segera.

Dalam masa beberapa bulan yang lalu beberapa batang jalan kechil telah di-buboh dengan batu kelikir dan keadaan jalan2 itu sekarang ada-lah baik.

Menunaikan fardhu haji

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 kerajaan yang berhak untuk mendapat pengurniaan wang tambang kerana menunaikan fardhu Haji ada-lah di-jemput untuk mengemukakan permohonan2 mereka bagi di-pertimbangkan untuk mendapat pengurniaan sa-demikian bagi musim Haji 1970.

Permohonan2 hendaklah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 15 Mei

1969 dan permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Segala permohonan2 hendaklah di-hantar dengan melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan berserta dengan laporan2 mereka yang lengkap mengenai pemohon2.

Lebeh 100 orang memohon jawatan Merinyu Pulis

BANDAR BRUNEI. — Lebeh dari 100 orang pemuda2 di-negeri ini telah memohon untuk memenohi jawatan sa-bagai Merinyu Perchubaaan dalam perkhidmatan Pulis Di-Raja Brunei.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata, temu duga akan di-temu duga di-Ibu Pejabat Pulis Di-Raja di-Gadong pada 1 Mei hadapan.

Pengiran Setia Raja berkata, temu duga itu ia-lah untuk memilih chalon yang layak bagi memenohi jawatan tersebut.

Chalon yang terpilih akan menjalani lathen lanjut di-Malaysia Barat sa-lepas menamatkan lathen permulaan di-Brunei.

Sekolah baru bagi Kampong Lambak

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu yang baru di-Kampong Lambak, Jalan Berakas hampir2 siap dan akan di-gunakan dalam bulan Jun hadapan.

Sekolah tersebut akan menggantikan sekolah sementara yang ada sekarang yang di-bena enam tahun yang lalu.

Sekolah baru itu di-bena di atas sa-bidang tanah sa-luas lima ekar dan menelan belanja kira2 \$337,823.

Ia-nya mempunyai 10 buah bilek darjah, sa-buah bilek oleh guuru besar, bilek rehat untuk guru2 dan bilek makan.

Sekolah itu juga akan mempunyai sa-buah padang permainan.

LEBEH 20 RIBU ORANG BELAJAR DI-SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Lebeh dari 20,000 orang kanak2 lelaki dan perempuan sekarang belajar dalam sekolah2 Melayu di-negeri ini yang mana kira2 16,500 di-antara-nya dalam kelas2 rendah.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran berkata, dari jumlah itu sa-ramai, 2,400 orang ada-

lah kanak2 yang di-terima masuk ka-sekolah rendah Melayu di-seluruh negeri dalam tahun ini.

Sementara itu, pendaftaran kanak2 bagi memasoki sekolah2 Melayu bagi tahun 1970 yang di-mulakan 1 April lepas akan di-tutup 31 Mei hadapan.

Pendaftaran itu ia-lah bagi kanak2 yang lahir sa-belum 1 Julai 1964.

Ibu-bapa atau penjaga kanak2 yang ingin menghantar anak2 mereka sa-sekolah pada tahun hadapan hendaklah mendaftarkan nama anak2 mereka ka-sekolah Melayu yang berhampiran dengan rumah mereka.

Ranchangan saluran najis:

Kira2 1/3 telah selesai

BANDAR BRUNEI. — Kira2 satu pertiga dari kerja2 ka-atas ranchangan saluran najis telah selesai.

Ranchangan yang menelan belanja \$19 juta itu telah di-mulakan dalam bulan Februari tahun lalu dan di-jadualkan siap awal tahun 1971.

Sharikat Messrs Binne dan Pakatan yang mereka bentuk ranchangan itu ia-lah jurutera perunding dan mengawasi kerja2 pembinaan itu bagi pehak kerajaan.

Kerja membena enam buah pusat pengepam dan kilang penyampor ubat bagi saluran itu sedang berjalan dengan baik.

Kerja memasang paip saluran najis itu yang bermula dari utara kerana mengelakkan dari mengganggu persiapan bagi istiadat berpupsa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam bulan Ogos tahun lepas, sekarang hampir2 sampai ka-tengah2 bandar.

Apabila ranchangan itu siap nanti, ayer kotor akan di-bawa dari bangunan2 ka-saluran itu dan di-pam ka-kilang pengolah dan ia-nya akan di-buang keluar melalui satu saluran ka-Sungai Brunei di-Kota Batu.

Jawatan-jawatan kosong

Sa-bagai Juru Trengkas Inggeris

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juru Trengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kebolehan dalam chatetan trengkas secepat 80 perkataan saminit dan menaip 30 perkataan sa-minit. Keutamaan akan di-beri kepada pemo-

hon2 yang mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380x20 — 480/EB /500x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantik sa-chara berkotrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1969.

Sa-bagai Wadar

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Wadar di-Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan2:


- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
- Mesti-lah berumur di-antara 18 dan 28 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji P.1 EB 2 — \$210x5 — 245/EB/250x5 — 275.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mei, 1969.

SI-TUYU oleh: m.salleh ibrahim



BRUNEI KEHENDAKI RAAYAT YANG JUJUR—Pmk. M.B.

(Dari Muka 1)

"Usaha ini memang sudah di-tanam dan di-taborkan oleh rakan2 Awang2 dan Dayang2 yang lebeh tua sejak bertahun2 yang lalu. Apa yang saya harapkan ia-lah usaha yang demikian akan di-pupok terus oleh Awang2 dan Dayang2 dan mudah2an usaha yang kita kehendaki akan hidup terus subur," tegas beliau.

Mengenai Kursus Guru2 tersebut, Yang Amat Mulia menyatakan bahawa kursus itu ada-lah merupakan satu jalan untuk memperbaiki, mengulangkaji ilmu pengetahuan dan menambah fahaman di-berbagai2 bidang.

Beliau menganggap usaha itu sa-bagai satu "dynamo" yang mengeluarkan tenaga untuk menggerakkan alat2 yang di-perlukan bagi mencapai kesempurnaan.

"Saya yakin bahawa kursus ini akan dapat sedikit sebanyak membenters anchaman2 pendidikan yang kita hadapi sekarang ini", tegas beliau.

Kapada peserta2 kursus, Pemangku Menteri Besar berharap supaya mereka menggunakan peluang itu dengan sebaik2-nya dan dapat pula menimbulkan chara2 dan teknik2 baru yang lebeh rasional dan selaras dengan kemajuan sains dan teknologi moden untuk menyelesaikan serta menyempurnakan masaalah2 pelajaran.

Pemangku Menteri Besar mengharapakan supaya kursus itu akan dapat berjalan dengan lancar-nya atas tiga landasan yang di-sebutkan beliau yang merupakan sa-buah harapan bagi kemajuan pelajaran di-negeri ini, ia-itu:

- * Biar-lah kursus ini di-penohi oleh maudho' dan tajok2 baru yang belum pernah di-perbincangkan;
- * Biar-lah pada kursus kali ini sharahan2 di-perpindakan, di-padatkan dan

sebak-nya perbincangan, persoalan beramai2 akan perkara2 itu di-perbanyakan; dan

- * Biar-lah kursus ini di-jadikan "dynamo" yang akan mengeluarkan tenaga dan kuasa yang akan dapat menerangi jalan2 yang akan kita tuturi dalam zaman pembangunan kita ini.

Perkhidmatan bomba bagi Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Daerah Tutong buat pertama kalinya telah mempunyai perkhidmatan bomba yang lengkap dan terator apabila balai bomba yang baru di-daerah itu mulai menjalankan perkhidmatan-nya pada hari Ahad lepas.

Balai bomba yang menelan belanja kira2 \$260,000 itu telah siap awal tahun ini.

Ia-nya akan di-lengkapkan dengan alat2 pemadam api yang moden sa-lain dari pam2 dan tangga2 penyelamat dan kedalihan oleh anggota yang terlatih.

Pembinaan balai bomba itu ada-lah sa-laras dengan dasar pasokan bomba untuk mengadakan balai bomba di-tempat2 yang mempunyai ramai penduduk-nya di-seluruh negeri.

Sementara itu dua orang pegawai pasokan bomba akan berlepas ka-Singapura pada 28 April ini untuk menghadiri kursus meneghah kebakaran dan tugas gerakan di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba Singapura sa-lama dua bulan.

Mereka ia-lah Pegawai Bahagian, Awang Ali bin Rimong dan Penolong Pegawai Balai Bomba, Awang Sudin bin Rahim.

Pesurohjaya Tinggi rasmikan perkhemahan pengakap sa-negeri

GADONG. — Tuan Yang gi British di-Brunei, Awang A.R. Adair sa-laku Pengakap Agong Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri di-Jalan Gadong pada hari Ahad lepas.

Perkhemahan yang berlangsung sa-lama empat hari itu telah di-hadiri oleh lebeh dari 600 orang pengakap dan guru2 pengakap dari seluruh negeri.

Sa-lapas upachara merasmikan

kan perkhemahan tersebut. Tuan Yang Terutama telah menyampaikan siji2 tauliah kapada 18 orang guru pengakap dari Daerah2 Brunei, Belait dan Tutong.

Perkhemahan itu juga disertai oleh anggota Palang Merah Bandar Brunei.

Beratus2 orang pelawat telah menjunongi perkhemahan tersebut sejak hari Ahad hingga ia-nya berakhir petang semalam.



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof berucap sa-jurus sa-belum merasmikan kursus tersebut.

Kursus pegawai2 dan guru2 agama

(DARI MUKA 1)

pat bertemu wajah dengan pegawai2 dan guru2 agama yang Beta kasehi sekalian yang mana dapat-lah Beta mengenali lebeh dekat akan pegawai2 dan guru2 agama di-negeri ini yang berusaha dengan giat-nya bagi mengembangkan sn'ar Islam yang berasaskan keimanan dan keihisanan di-negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita kasehi ini.

Chara Jabatan Hal Ehwal Agama mengadakan kursus bagi pegawai2 dan guru2 agama pada melailakan muzakarah menghadapkan pertanyaan laila meminta fatwa dan memberikan fatwa kerana dengan ada-nya izajah atau fatwa sesama pegawai2 dan guru2 agama supaya dapat mendalamkan dan laila menambahkan pengetahuan dan pengalaman mereka menunaikan tugas sa-bagai guru2 sa-hari2 untuk atau bagi mendi-dek murid2 atau anak2 yang bersekolah. Laila usaha chara sa-perti ini mudahan akan menjadi chuntoh tauladan bagi membantupentadbiran pada melailakan semangat tabah laila rajin patuh laila amanah yang akan menghasilkan keamanan, ketenteraman laila subur kapada negeri kita Brunei Darussalam yang di-kasehi dan yang mempunyai isi dalam-nya di-segi kegiatan kerajaan Beta atau sa-bagai tugas tanggung-jawab pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama.

Sa-bagai misal kata orang tua2 laila di-usahkan pada melaksanakkan kebajikan di-dunia ini sedikan laila bekal dan laila pembawaan tangan mudahan dapat untuk di-bawa ka-akhirat.

Kapada pegawai2 agama, Beta berseru supaya Awang2 dan Dayang2 benar2 layak menjadi ikuatan kapada anak2 buah Awang2 dan Dayang2 di-tiap2 mukim masjid dan juga menjadi orang yang selalu memberikan nasihat2 yang berguna khas-nya kapada para jemaah dalam mukim masjid masing2. Dalam pada itu hendak-lah selalu menasihatkan para jemaah Awang2 supaya mereka itu sentiasa menjaga keamanan dan ketenteraman negeri ini yang landasan-nya pada chintakan keselamatan.

Pada guru2 agama Beta berseru kapada Awang2 dan Dayang2 mendidik dengan penoh kejujuran anak2 yang berada di-sekolah yang di-amanahkan kapada Awang2 dan Dayang2 sekalian supaya anak2 itu akan mendapat pendidikan dan pengajaran yang sachukop-nya mengenai agama Islam, di-samping itu jadikan-lah diri Awang2 dan Dayang2 chuntoh tauladan yang baik dalam kehidupan sa-hari2 pada anak2 mu-

rid Awang2 dan Dayang2 di-samping itu juga sa-bagaimana Beta ketahui bahawa Awang2 dan Dayang2 ada juga mengajar di-kelas2 dewasa agama dan Beta berharap supaya Awang2 dan Dayang2 dapat memimpin orang2 dewasa itu ka-arah hidup beragama yang betul dan memahami kan agama dengan betul supaya negeri kita Brunei Darussalam akan benar2 menjadi sa-buah negara Islam yang mana penduduk dan raayat-nya yang beragama Islam menjunjong tinggi dan beramal dengan ajaran2 laila agama yang maha suci itu.

Akhir-nya Beta menguchapkan terima kaseh kapada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama kerana kesudian menjemput Beta hadir bagi merasmikan pembukaan kursus agama hari ini serta mendo'akan semoga kursus Awang2 dan Dayang2 ini akan diberkati oleh Tohan dan dengan mendahulukan Bismillah-hirahman nirahim Beta merasmikan kursus pegawai2 dan guru2 agama kali yang ke-7 ini. Terima kaseh. As-salamu 'alaikum warahmatullah he-wabar katuh.

Pepereksaan2 Trenkhas, Menaip

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pelajaran mengumumkan bahawa pepereksaan2 trenkhas dan menaip akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pusu, Bandar Brunei pada 13 Jun hadapan.

Pepereksaan yang di-anjorkan oleh Institute Melayu Malaysia itu akan di-adakan dalam tiga peringkat — permulaan, menengah dan tertinggi.

Borang2 untuk memasoki pepereksaan2 itu boleh di-dapati dari guru2 trenkhas dan menaip atau dari Bahagian Kelas Dewasa, Jabatan Pelajaran.

Bayaran masok bagi pepereksaan trenkhas permulaan ia-lah \$11.00, menengah \$13.00 dan tertinggi \$16.00.

Bayaran masok bagi pepereksaan menaip ia-lah \$9.00 bagi peringkat permulaan, \$11.00 bagi peringkat menengah dan \$13.00 bagi peringkat tertinggi.

Hanya chalun2 yang mengikuti kelas2 trenkhas dan menaip yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran sahaja akan di-terima untuk memasoki pepereksaan2 itu dan mereka hendak-lah mendapat sokongan dari guru2 mereka.

Semua borang2 permohonan bersama2 wang bayaran masok pepereksaan hendak-lah sampai sa-belum atau pada 5 Mei 1969.